



**DR. MAHATHIR** Mohamad menurunkan tandatangan pada buku yang diberikan oleh murid-murid Sekolah Kebangsaan Permas Jaya, Johor Bahru di Kompleks Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya, semalam.

— Bernama

## 'Saya sihat, doktor suruh relaks' UM-21/11/2006

PUTRAJAYA 20 Nov. — Tun Dr. Mahathir Mohamad, yang dibenarkan keluar dari Institut Jantung Negara (IJN) pada 14 November lepas, hari ini berkata, beliau sihat dan akan mematuhi arahan doktor supaya berehat.

"Saya rasa sihat tetapi doktor meminta saya supaya relaks," katanya kepada Bernama di pejabat Yayasan Kepimpinan Perdana di sini.

Bekas Perdana Menteri itu yang juga Pengerusi yayasan berkenaan, mengalami serangan jantung ringan pada 9 November dan dimasukkan ke IJN sebelum dibenarkan pulang lima hari kemudian, sekaligus tidak membolehkannya menghadiri Perhimpunan Agung UMNO 2006 minggu lepas.

Dr. Mahathir berkata, beliau telah membatalkan beberapa lawatannya ke luar negara, termasuk ke India dan Jepun.

Beliau tidak dapat ke India untuk menerima *Mother Teresa Memorial International Award* bagi Keadilan Sosial; sebaliknya menghantar anak lelakinya, Datuk Mukhriz Mahathir untuk menerima anugerah itu bagi pihaknya pada satu majlis di Mumbai semalam.

Dr. Mahathir berkata, beliau datang ke yayasan itu kerana merasa bosan di rumah. Doktor menasihatkan beliau supaya berehat sebelum meningkatkan aktiviti fizikalnya.

"Saya cuba menulis di rumah. Kini saya menulis di sini," kata bekas Perdana Menteri itu yang mengetuai kerajaan selama 22 tahun sebelum melepaskan jawatan itu pada 2003.

"Saya harap tidak menemui orang ramai walaupun banyak permintaan," katanya.

Sekumpulan pelajar Sekolah Kebangsaan Permas Jaya, Johor Bahru, yang melawat yayasan itu semasa cuti sekolah, gembira mendapat peluang bertemu dan bergambar dengan Dr. Mahathir ketika beliau hendak meninggalkan yayasan itu.

Dr. Mahathir juga berkata, beliau sedih atas pemergian ke rahmatullah salah seorang daripada bapa pengasas Malaysia, Tan Sri Mohamed Khir Johari, 83, kerana serangan jantung semalam.

"Saya amat sedih kerana saya sudah lama mengenali Allahyarham iaitu sejak beliau bertugas sebagai guru di sekolah saya," katanya.

Dr. Mahathir berkata, antara kenangan paling manis bersama Mohamed Khir ialah beliau meminjam kereta Mohamed Khir pada hari perkahwinannya pada 1956 untuk ke rumah pengantin perempuan (Tun Dr. Siti Hasmah Mohamed Ali).

"Saya tidak mempunyai kereta, jadi saya pinjam kereta beliau," katanya yang menyifatkan Mohamed Khir sebagai seorang yang sangat mesra dan periang.

"Beliau suka membuat jenaka dan orang semulajadi menyukainya," kata Dr. Mahathir mengenai negarawan itu yang dikebumikan di Makam Pahlawan di Kuala Lumpur.

Dr. Mahathir berkata, mereka bersama-sama menganggotai Saberkas (Sayang Akan Bangsa Ertinya Korban Apa Segala), pergerakan kebangsaan Melayu yang ditubuhkan semasa pendudukan Jepun dan berkempen untuk kemerdekaan.

"Sejak awal lagi beliau menunjukkan minat dalam politik, terutama memperjuangkan nasib orang Melayu," katanya mengenggang kembali perjuangan awal mereka menentang Malayan Union.

Mengenai sumbangan terbesar Mohamed Khir untuk negara, Dr. Mahathir berkata: "Kebangkitan awal minat Melayu dalam politik. Beliau ialah perintis politik Melayu."